

16 Julai 2010 (Jumaat)

Selangor kena selesai sendiri

Oleh Ismail Mat

JELI: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan Selangor seharusnya menggunakan kebijaksanaan sendiri dalam menangani isu perlombongan pasir tak terkawal di negeri itu kerana ia terletak di bawah bidang kuasa mereka, dan bukannya meminta bantuan Kerajaan Pusat menyelesaikannya. Serentak itu, Timbalan Perdana Menteri menegaskan beliau tidak berhasrat campur tangan dalam isu pengeluaran pasir yang dilaporkan berleluasa di Selangor. Katanya, setakat ini, beliau juga belum menerima surat yang dikatakan dihantar Kerajaan Selangor untuk memintanya campur tangan bagi menyelesaikan isu pasir berkenaan. Saya tidak terima lagi (surat dari Khalid), itu masalah negeri. Bila saya suarakan perkara terbabit, bukan tandanya saya nak rampas tugas Menteri Besar. Kalau dia buat macam itu (hantar surat minta kerjasama) tandanya tak mampu nak selesai sendiri dan meminta saya tolong. (Hakikatnya) isu berkaitan sumber alam, pasir dan air, ini semua berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan saya tidak ada kuasa untuk tentukan, ia (Menteri Besar) sepatutnya boleh selesai, katanya selepas merasmikan persidangan Perwakilan UMNO bahagian Jeli di Kompleks UMNO Bukit Nangka di sini, semalam.

16 Julai 2010 (Jumaat)

Kementerian perlu pantau projek landasan berkembar

KEMENTERIAN Pengangkutan sepatutnya memastikan kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh tidak berulang dalam Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik antara Ipoh dan Padang Besar yang kini dalam pembinaan. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporannya mengenai Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh, menyebut oleh demikian kementerian terbabit perlu memantau dengan rapi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding yang terbabit. Dalam laporan itu, PAC turut menjelaskan, KS-Opus dilantik sebagai pengurus projek bagi pihak kerajaan untuk mengurus dan memantau pelaksanaan projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh.

Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan kementerian, didapati prestasi kerja KS-Opus adalah kurang memuaskan. Mengikut kementerian, syarikat ini gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, pihak audit tidak mendapat sebarang bukti yang menunjukkan kementerian membuat teguran atau memaklumkan mengenai prestasi pengurus projek terbabit kepada Kementerian Kewangan. Tiada bukti juga yang menunjukkan Kementerian Pengangkutan menyediakan laporan suku tahun berhubung dengan prestasi pengurus projek untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2006, katanya.

16 Julai 2010 (Jumaat)

Lapan lori bawa pasir curi disita

Oleh Sarah Sulaiman sarah.sulaiman@bharian.com.my

BANGI: Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PDTHL) menyita lapan lori yang membawa muatan pasir tanpa permit dalam serbuan di Jalan Sungai Lalang, Semenyih di sini, awal pagi semalam. Serbuan itu dilakukan dengan kerjasama anggota polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang kira-kira jam 4 pagi ketika lori terbabit dalam perjalanan membawa muatan pasir menghala ke Sungai Tekala kira-kira 2 kilometer (km) dari tapak perlombongan Batu 24 di sini. Pegawai Daerah Hulu Langat, Zainal Abidin Aala, berkata operasi mengorek dan mengambil pasir di tanah persendirian berkenaan dipercayai baru beroperasi sebulan lalu dan kontraktornya cuba mengelirukan pihak berkuasa dengan mengangkut keluar pasir pada awal pagi. "Setiap lori yang disita mampu mengangkut muatan 20 tan pasir berharga RM360 pada satu masa dan hasil siasatan terhadap pemandu warga tempatan berusia antara 28 hingga 55 tahun itu mendapati ia dijual di LCCT Sepang, USJ dan sekitar Selangor. "Ini adalah tangkapan terbesar PDTHL dan kita akan terus memantau di lokasi yang sering berlaku kegiatan mencuri pasir di daerah ini," katanya pada sidang media di sini, semalam. Difahamkan, pasir yang dicuri dijual kepada pemaju perumahan berikutan harganya yang lebih murah, berbanding pasir yang dibeli secara sah.

"Kita sudah buka kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan. Kita juga akan mengambil beberapa tindakan termasuk mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah persendirian supaya memulihkan tanah mengikut syarat yang dikenakan. "Sekiranya mereka gagal, kita akan keluarkan Notis 7B untuk mendapatkan penjelasan dan jika mereka masih gagal, Notis 8A akan dikeluarkan dan tanah mereka boleh dirampas," katanya. Mengenai lapan lori yang disita, beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Akta 426 Kanun Tanah Negara 1965 dan jika disabitkan kesalahan pemandu terbabit boleh dipenjarakan maksimum 5 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali. "Semua lori disita dihantar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Shah Alam untuk siasatan dan tindakan lanjut," katanya. Beliau berkata, dalam siasatan yang dilakukan sebelum ini, pihaknya mengesan sebanyak 20 lokasi di daerah itu menjalankan kegiatan mencuri pasir. "Kita hanya meluluskan permit mengorek dan mengambil pasir di enam lokasi di daerah ini iaitu di Batu 10 hingga Batu 12 di Kampung Sungai Serai; Seksyen 7, Bandar Baru Bangi hingga Kampung Teras Jernang; Kampung Bangi hingga Sungai Bangi Lama. "Batu 10 hingga Batu 14 Mukim Cheras; Batu 15 hingga Batu 20 Jalan Cheras dan Lot 2246 Sungai Kembong Mukim Beranang, katanya".

21 Julai 2010 (Rabu)

Pemuda serah bukti isu pasir - Dokumen sokongan dakwaan penyelewengan KSSB dikemukakan kepada SPRM

Oleh Badrul Kamal Zakaria bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Pemuda UMNO Selangor semalam menyerahkan sejumlah dokumen kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini sebagai sokongan kepada dakwaan penyelewengan dan amalan pilih kasih membabitkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), anak syarikat yang diberi tanggung jawab menguruskan perlombongan pasir di negeri ini. Ketua Penerangannya, Safarizul Mustafa, berkata dokumen itu dihantar bersama bukti seperti resit rasmi berkaitan aktiviti penjualan dan pembelian pasir di negeri itu berikutan pendedahan dibuat Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Noh Omar, Sabtu lalu. Katanya, pendedahan di media, selain beberapa siri demonstrasi dan penyerahan memorandum kepada kerajaan negeri baru-baru ini menjelaskan rakyat Selangor semakin bimbang dengan amalan perlombongan tidak terkawal di negeri ini. "Kita bukan seperti mereka yang mendakwa tanpa bukti. Jadi, hari ini (semalam) kita kemukakan bukti kepada SPRM untuk siasatan lanjut," katanya ketika ditemui di Wisma PKPS, di sini.

Safarizul berkata, semua dokumen itu diperoleh daripada Badan Perhubungan Umno Selangor. Katanya, pergerakan itu akan terus mengumpul bukti berhubung isu pasir di negeri berkenaan bagi memastikan isu itu diambil serius oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. "Kami berharap kerajaan negeri akan memberikan kerjasama penuh kepada SPRM untuk menjalankan siasatan terhadap KSSB yang akan dilakukan dan berharap isu pasir ini tidak dipolitikkan," katanya. Noh yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini mendakwa mempunyai bukti wujud penyelewengan dan amalan pilih kasih oleh KSSB. Antaranya beliau mendakwa KSSB memberi diskaun 22 peratus atau RM4 bagi pembelian setiap tan pasir yang berharga RM17.50 kepada sebuah syarikat, manakala yang lain hanya diberi potongan 50 sen. Selain itu Noh juga mendakwa KSSB memberi kemudahan kredit kepada sebuah syarikat dan lima kontraktor untuk mengorek pasir tanpa perlu membayar deposit.

22 Julai 2010 (Khamis)

'Contohi polis Pulau Pinang berkas pencuri pasir'

SHAH ALAM: Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mahu polis di Selangor mencontohi kejayaan polis di Pulau Pinang kerana berjaya menangkap pencuri pasir di Georgetown. Katanya, perkara sama boleh dilakukan di negeri ini dalam menangani kecurian pasir jika tindakan itu boleh dilakukan di Pulau Pinang. 'Saya sudah menghantar surat (berhubung isu pasir) kepada Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) dan salinan kepada Ketua Polis Selangor (Datuk Khalid Abu Bakar). "Inilah beberapa contoh polis di bawah kelolaan Pusat boleh memberikan khidmat menentukan tiada pelanggaran undang-undang di mana saja. Bukan saja pasal pasir tetapi semua jenayah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri akan menjalankan kajian berhubung jumlah penggunaan air di kalangan rakyat di negeri itu berikutan unjuran penggunaan air oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dianggapnya kurang tepat. Katanya, unjuran air dalam kajian dilaksanakan pada 2000 itu menunjukkan jumlah penggunaan air di Kuala Lumpur dan Selangor lebih tinggi berbanding bandar maju utama seperti Sydney dan Singapura. Bagi unjuran yang dikeluarkan itu, katanya, Syabas mengambil statistik yang dikeluarkan oleh National Water Resources Study terhadap pengguna di Kuala Lumpur dan Selangor yang menggunakan 500 liter air per kapita sehari. "Sebenarnya Syabas tidak layak buat kajian ini dan sebab itu kita akan buat kajian lain untuk benar-benar mengkaji keperluan air di Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

Abdul Khalid seterusnya mencadangkan Syabas mengurangkan kadar pengeluaran air tidak terhasil (NRW) bagi mengatasi masalah kekurangan air bersih di negeri ini. Ketika ini, katanya, hanya 65 peratus bagi setiap pengeluaran 100 galen air bersih selepas dirawat boleh dijual kepada pengguna manakala 35 peratus air lagi 'hilang' (bocor) dalam perjalanan'. "Sebab itu ia perlu dikurangkan daripada 35 peratus ke 15 peratus seperti dilakukan oleh Pulau Pinang dan ini antara sebab mengapa air di Selangor tidak mencukupi," katanya

22 Julai 2010 (Khamis)

Rencana - Selangor tak patut beri helah tangani isu pasir - Alam sekitar musnah jika aktiviti melombong terus dibiarkan

Oleh Rejal Arbee rejal@mcoba.org

SUNGGUH malang bagi negara dan rakyatnya apabila setiap kali ada isu yang ditimbulkan, acap kali itulah ia dipolitikkan. Baik soal pelajaran, sekolah, biasiswa atau pun kemasukan ke universiti semuanya dipolitikkan. Terbaru ialah isu perlombongan pasir yang berleluasa di Pulau Pinang, Johor dan Selangor khususnya di kawasan berdekatan Paya Indah Wetlands, dekat Sepang yang sudah pun diwartakan sebagai Rizab Tanah Lembap Negara. Kini pihak berkuasa di Selangor menyalahkan media arus perdana kerana menimbulkan isu ini hanya untuk mempolitikkannya seolah-olah apa yang ditimbulkan tidak berlaku? Ada pula anggotanya mahu media memohon maaf kepada kerajaan negeri kerana mendedahkan kejadian itu. Sepatutnya apa yang berlaku hasil daripada kegiatan perlombongan sehingga membawa kepada pencemaran alam sekitar dan kemusnahan alam semula jadi di kawasan Paya Indah Wetlands itu patut diberi perhatian serius.

Malangnya, oleh kerana ia dipolitikkan, kemusnahan kawasan perlombongan pasir yang dilakukan secara rakus oleh pihak tidak bertanggungjawab tanpa mempedulikan kemusnahan terhadap alam sekitar tidak mendapat perhatian sewajarnya. Sungguh menghairankan reaksi kerajaan Selangor yang memberikan permit perlombongan pasir itu membutakan matanya daripada perkara yang sedang berlaku di kawasan bersebelahan Paya Indah Wetlands, yang musnah akibat kegiatan manusia yang rakus. Tidak dinafikan, usaha mendapatkan pasir amat diperlukan untuk sektor pembinaan. Tetapi dalam pada kebenaran diberikan untuk melombong pasir, apakah tidak boleh diwujudkan peraturan lebih tegas supaya kegiatan ini tidak memusnahkan alam sekitar? Dan dalam pada itu apakah kegiatan melombong pasir secara haram yang berleluasa tidak boleh dihapuskan?

Apakah kegiatan yang boleh menjejaskan kedudukan satu kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Rizab Tanah Lembap Negara yang dilindungi dan diwujudkan untuk memelihara kedudukan dan kepentingan pemuliharaan persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya tidak boleh didedahkan? Apabila didedahkan, kenapa pula ia dianggap helah politik Barisan Nasional (BN) untuk menjejaskan kedudukan kerajaan Selangor yang dikuasai Pakatan Pembangkang? Kiranya perkara ini tidak mahu ditimbulkan, apakah kerajaan Selangor tidak boleh lebih prihatin terhadap kegiatan perlombongan pasir, baik yang mendapat kebenaran, apatah lagi yang haram yang sedang berlaku secara berleluasa? Apakah yang boleh dirumuskan daripada reaksi kerajaan Selangor, lebih-lebih lagi Menteri Besarnya, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang mahu menunjukkan bahawa apa yang dilakukan hanya mengekori apa yang telah dibuat oleh kerajaan Selangor sebelum ini, ketika dikuasai BN dengan Datuk Seri Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besarnya?

Maka itulah beliau mengancam hendak mendedahkan siapa yang telah mendapat faedah daripada beberapa syarikat yang diberikan permit untuk melombong pasir di Selangor ketika Mohamad Khir menjadi Menteri Besar. Jika apa yang dilakukan dulu adalah salah, dua kesalahan tidak akan memperbaiki keadaan malah akan menjadikan keadaan lebih teruk. Apa pun alasan ia tidak akan memperbaiki kemusnahan alam sekitar di kawasan bersebelahan Paya Indah Wetlands yang kini dipenuhi lubang yang dikatakan sedalam 60 meter. Kenapa perlu lubang begitu dalam dikorek? Apakah pasir masih terdapat sedalam itu? Baik juga baginya mendedahkan siapa sebenarnya yang telah meraih keuntungan daripada perlombongan pasir di Selangor yang dikatakan amat menguntungkan kerana permintaan yang tinggi, bukan saja dari dalam negara, malah untuk dieksport. Kita juga tahu bagaimana sebuah pulau di selatan Semenanjung amat memerlukan pasir, baik pasir darat – untuk industri pembinaannya – mahupun pasir air untuk kegiatan menambak membesarkan pulau berkeluasan sekangkang kera bagi menampung rakyatnya yang semakin berkembang.

Kerja-kerja melombong pasir bersebelahan Paya Indah Wetlands dikendalikan anak syarikat kerajaan negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn Bhd. Syarikat ini adalah satu-satunya yang dibenarkan menjalankan kegiatan melombong pasir. Ada dakwaan bahawa syarikat ini telah memberikan permit melombong pasir kepada sebuah syarikat lain untuk menjalankan kegiatan itu sejak akhir Jun lalu di atas kawasan seluas 20 hektar yang terletak hanya 50 meter dari taman rekreasi Paya Indah Wetlands yang dikhuatiri akan memberikan kesan jangka panjang terhadap ekologi dan habitat hidupan liar di kawasan itu. Sebenarnya aktiviti syarikat itu didapati tidak mematuhi peraturan EMP (Prosedur Pengurusan Alam Sekitar) kerana kawasan itu sudah digali dan dikorek sedalam kira-kira 60 meter. Oleh kerana kawasan itu tidak melebihi 50 hektar, maka kegiatan perlombongan yang dijalankan tidak memerlukan Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Kini sudah tiba masanya kerajaan menghalusi kehendak EIA untuk semua usaha pembangunan bagi menentukan penjagaan alam sekitar menjadi lebih berkesan. Semua pihak harus ingat bahawa setiap kawasan kurniaan Allah inilah saja yang ada. Jika kita sendiri tidak menghiraukan pemuliharaannya, anak cucu kitalah yang akan berdepan dengan pelbagai masalah yang memudaratkan hasil kerakusan kita sendiri. Tinjauan yang dibuat pegawai Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) mendapati sememangnya berlaku pencemaran yang teruk. Mereka juga mendapati tidak ada zon penampungan selebar 20 meter dari kawasan sempadan bersebelahan Paya Indah Wetlands seperti yang digembar-gemburkan. Agak menghairankan kenapa syarikat yang mengeluarkan pasir di situ perlu mengupah samseng jalanan atau tonto untuk menipu orang. Apa perlunya kumpulan untuk menipu ini diupah jika apa yang dilakukan mematuhi peraturan dan tidak menyalahi permit? Bagaimana pula samseng jalanan ini boleh dibiarkan bermaharajalela? Apakah negara ini tidak memiliki peraturan yang mendukung undang-undang? **Penulis ialah Felo Kanan UKM.**

22 Julai 2010 (Khamis)

Kerajaan turut terima tempias atas kegagalan syarikat GLC

Oleh Khairul Anwar Rahmat khairul_co@yahoo.com

BARU-BARU ini saya diberi satu tugas yang cukup dekat di hati saya, iaitu merangka pelan pemulihan korporat atau dalam istilah ekonominya, 'corporate turnaround'. Tugas baru ini memerlukan saya mengkaji beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC), menilai potensi, memeriksa akaun untung rugi seterusnya merangka pelan pemulihan korporat yang strategik. Sepanjang tugas berkenaan, beberapa isu dianalisis dan dirungkaikan secara terperinci terutama berkaitan tadbir urus korporat baik, berhemah dan berkesan. Saya kira, ia adalah rentetan beberapa krisis yang berlaku dalam beberapa GLC sehingga menyebabkan pimpinan negara mengarahkan tindakan drastik perlu diambil. Sejak beberapa minggu yang lalu, beberapa GLC dikritik sama ada secara terbuka di dada akhbar ataupun melalui perbincangan dalaman kerana kegagalan menterjemah dasar kerajaan, apatah lagi menghasilkan keuntungan. Ada juga GLC yang terus-terusan mencatat kerugian dan hampir terbungkam tidak ketahuan. Ekoran itu juga, sudah acapkali teguran kita dengar daripada Perdana Menteri dan timbalannya. Ingatan demi ingatan pemimpin kerajaan semuanya berlegar pada persoalan yang sama, amaran supaya setiap GLC ditadbir secara bijaksana, telus dan berhemah.

Setiap kegagalan, kerugian dan kelemahan akan pantas mengundang persepsi yang buruk di kalangan rakyat terbanyak. Sedikit sebanyak, kerajaan turut menerima tempiasnya kerana sebahagian besar modal syarikat ini dilaburkan oleh kerajaan. Justeru, GLC yang berada dalam keadaan sukar mesti bangkit semula kerana dalam keadaan krisis, setiap syarikat perlu mengaktifkan pelan pemulihan dengan segera. Dalam hal ini, saya telah merujuk kepada beberapa pelan pemulihan korporat yang berjaya dilaksanakan dengan cemerlang oleh beberapa syarikat terkemuka dunia. Sebaik saja krisis melanda, langkah awal yang perlu dilakukan GLC adalah menstabilkan krisis berkenaan dan mengembalikan semula kepercayaan pelabur, pemegang saham, pihak berkepentingan dan orang ramai. GLC perlu menjelaskan kedudukan sebenar syarikat termasuk rancangan jangka pendek dan panjang kepada pemiutang, pembekal, vendor, kontraktor, pelanggan, pengurusan dan warga kerja. Jika keadaan memerlukan, kita perlu merombak dan memperkemas struktur pengurusan GLC yang bermasalah. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mestilah berani melakukan perubahan dan bersedia untuk mengawal keadaan. Seseorang CEO juga perlu memainkan peranan membetulkan seberapa banyak masalah dan kepincangan yang wujud dalam organisasi yang dipimpinnya.

Saya juga berharap GLC menetapkan fokus dan menumpukan kepada teras perniagaan utama. Apa yang berlaku ketika ini, terdapat GLC yang cenderung untuk meneroka cabang perniagaan baru yang di luar bidang keutamaan. Keghairahan itu menyebabkan GLC hilang tumpuan dan gagal memastikan teras perniagaan mencapai kualiti serta membawa pulangan seperti yang diharapkan. Penubuhan nak syarikat dengan minat perniagaan yang baru itu tidak hanya membabitkan kos yang tinggi, tetapi turut meningkatkan risiko dari pelbagai sudut. Dalam hal ini, antara langkah yang dilihat terbaik ialah dengan melaksanakan kaedah penyumberan luar (outsourcing). GLC boleh bekerjasama dengan mana-mana syarikat dalam sesuatu cabang perniagaan hiliran yang dilihat berpotensi. Dengan kepakaran dan pengalaman syarikat luar dalam bidang hiliran itu, GLC dapat mengurangkan risiko kerugian dan dalam masa yang sama menjimatkan kos serta tenaga. Menerusi penyumberan luar juga, GLC dapat membuka peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana untuk terbabit dalam projek kerajaan.

Kita tidak mahu apabila GLC membuka sesuatu projek untuk ditender, ia turut menjadi rebutan di kalangan anak syarikat GLC itu sendiri. Di samping itu, elemen penjenamaan dan komersial juga tidak boleh dipandang mudah oleh syarikat GLC. Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian juga ialah banyak syarikat korporat yang mengambil mudah mengenai peranan media. Ada juga GLC yang mengelak kononnya laporan media mempunyai agenda dan berniat jahat. Tanggapan sebegini adalah satu kerugian kepada GLC kerana media adalah medium yang paling berkesan dalam menghubungkan orang ramai dengan GLC. Keengganan GLC untuk bekerjasama dengan media menyebabkan orang ramai mendapatkan maklumat yang tidak sahih dari pelbagai sumber. Sudah semestinya maklumat yang berat sebelah itu akan mencemarkan maruah dan integriti GLC itu sendiri. Beberapa pelan pemulihan korporat yang dicadangkan ini memerlukan tindakan segera dan drastik. Ia tidak boleh dibuat sambil lewa atau beransur-ansur. 'Sense of urgency' perlu menjadi kunci utama tindakan berdasarkan keutamaan. Sesungguhnya, banyak lagi prinsip dan strategi korporat yang boleh dijadikan panduan dan amalan. Saya yakin dan percaya, jika prinsip yang digariskan ini dilaksanakan dengan penuh iltizam, ia akan menunjukkan hasil dalam tempoh antara enam bulan hingga setahun.

Penulis ialah peguam dan Penasihat Strategi Korporat.

26 Julai 2010 (Isnin)

Melaka & Negeri Sembilan: Ancaman hakisan - Penduduk kesal pihak terbabit tak letak papan tanda amaran

Oleh Nor Aziah Othman

PORT DICKSON: Ombak serta arus kuat yang terhasil di pantai berhampiran Kompleks Pentadbiran Pejabat Tanah dan Galian di sini, didakwa menyebabkan hakisan teruk sehingga boleh mengancam struktur bangunan di kawasan itu. Keadaan itu juga menyebabkan keselamatan orang ramai yang berkunjung ke kawasan terbabit berada dalam bahaya jika berlaku sesuatu kejadian tidak diingini. Lebih dikesalkan penduduk di kawasan berhampiran adalah sikap pihak berkuasa yang didakwa tidak prihatin dengan keselamatan orang ramai yang menggunakan kemudahan di kawasan itu. Tinjauan Berita Harian mendapati hampir keseluruhan tembok pantai dan dataran di kawasan itu terjejas disebabkan hakisan ombak menyebabkan ia runtuh dan mewujudkan rekahan besar. Bagaimanapun, tiada satu pun papan tanda amaran diletakkan di kawasan itu untuk mengingatkan pengunjung mengenai keadaan sesetengah tempat di kawasan berkenaan yang berbahaya.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Hanif Shariffudin, 50, kesal dengan pihak berkuasa yang hanya membiarkan runtuhannya terbabit tanpa mengambil sebarang tindakan. Beliau mendakwa, kos untuk membaik pulih kawasan itu memang agak tinggi, namun ia perlu dilakukan bagi mengelakkan kemalangan terutama terhadap pengunjung yang tidak biasa dengan kawasan berkenaan. Papan tanda amaran perlu dipasang bagi memberitahu pengunjung kawasan di sini agak bahaya untuk aktiviti riadah atau berkelah. Penduduk tempatan mungkin sudah mengetahui perkara itu, tetapi bagaimana dengan orang luar yang hanya melihat pemandangan cantik tanpa menyedari ada banyak runtuhannya, katanya. Pengunjung, Sharidah Rusli, 35, berkata beliau berasa gerun melihat kerosakan tembok dan dataran di kawasan itu dan mempertikaikan ketiadaan sebarang papan tanda amaran di kawasan berkenaan.

Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan mencegah kemalangan, jangan apabila kemalangan sudah berlaku baru hendak sibuk bertindak dan menuding jari saling salah menyalah antara satu sama lain, katanya yang datang ke kawasan itu bersama keluarga. Sementara itu, Pegawai Daerah Port Dickson, Abd Khalid Mat, berkata pihaknya menyedari keadaan kawasan berkenaan yang terhakis dan sedang dalam proses perbincangan terutama mengenai masalah kos yang tinggi. Kos pembaikan tembok dan kemudahan di kawasan berkenaan dianggarkan boleh mencecah RM2 juta, katanya.

26 Julai 2010 (Isnin)

Rencana - Pertikaian isu air bermotif politik memualkan rakyat

Wajar utama penyelesaian krisis demi kebaikan penghuni Lembah Klang

WALAUPUN perbalahan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri Selangor berhubung isu bekalan air bersih di Lembah Klang menyaksikan pelbagai tuduhan, tohmahan dan penjelasan daripada pelbagai pihak berkepentingan, satu perkara yang mereka akui ialah penghuni Lembah Klang, merangkumi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, bakal menghadapi krisis air sebelum berakhirnya dekad ini. Berbeza dengan isu pasir yang kesannya kepada rakyat dan alam sekitar hanya terhad di kawasan berhampiran, krisis air akan dihadapi semua orang tanpa mengira kedudukan dan parti politik. Kita tentu masih ingat betapa peritnya kehidupan rakyat Melaka selama beberapa bulan apabila Empangan Durian Tunggal kering pada 1991. Tujuh tahun selepas itu, menjelang Sukan Komanwel di Kuala Lumpur pada 1998, warga Lembah Klang, pula menghadapi catuan bekalan air apabila Empangan Klang Gates, Empangan Batu dan Empangan Semenyih hampir kering kerana kemarau panjang, yang dikaitkan dengan fenomena El-Nino.

Berikutan itu, kerajaan Selangor pada 1998 dan 1999, melakukan kajian mendapati kawasan Lembah Klang akan berdepan krisis air pada 2012 hingga 2014 kerana permintaan semakin meningkat sedangkan bekalan sumber air tidak cukup bagi menampungnya. Kerajaan kemudian memutuskan untuk melaksanakan projek bekalan air mentah dari Pahang ke Selangor, yang antara lain membabitkan pembinaan loji rawatan air berkapasiti 1,130 juta liter sehari di Hulu Langat. Kemampuan ini dijangka dapat menampung keperluan air di Lembah Klang sehingga 2025. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menjangkakan permintaan air meningkat antara dua hingga 3.5 peratus setahun di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, menyebabkan kekurangan bekalan sebanyak 65 juta liter sehari pada 2010. Dalam kata lain, peningkatan itu sudah berlaku sekarang. Ini adalah fakta, berdasarkan kajian dibuat sama ada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri, lama sebelum pentadbiran Selangor bertukar tangan.

Sementara fasa pertama, pembekalan air mentah dari Pahang ke Selangor termasuk terowong bawah tanah antara Karak di Pahang dan Hulu Langat di Selangor sudah dimulakan, fasa kedua yang membabitkan pembinaan loji di Hulu Langat menghadapi masalah apabila kerajaan negeri menanggungkan projek itu. Menteri Besarnya, Tan Sri Khalid Ibrahim dilaporkan berkata, projek itu tidak perlu disegerakan kerana Selangor masih mampu menampung keperluan sedia ada sehingga 2019. Katanya, anggaran itu adalah hasil kajian menyeluruh oleh pakar industri air berdasarkan jumlah penggunaan air, kapasiti pengeluaran air, dan bekalan air yang sedia ada, sehingga 2019.

Kenyataan Khalid itu kemudian disangkal, bukan saja oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, malah beberapa pertubuhan bukan kerajaan termasuk Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM). Tidak cukup dengan soal bila tarikh sebenar berlaku krisis air, ia berlarutan kepada soal kos dan syarikat yang terbabit dalam pembinaan projek ini. Perbalahan kedua-dua pihak yang lebih bermotifkan politik ini bukan saja semakin memualkan pengguna dan mengelirukan sebahagian rakyat, malah menjauhkan lagi pihak-pihak terbabit dengan masalah pokok bagaimana mahu menangani krisis bekalan air di Lembah Klang nanti. Sama ada krisis air berlaku pada 2014 seperti diunjurkan Kerajaan Pusat atau 2019 seperti dipercayai kerajaan Selangor, yang pasti rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan berdepan dengannya jika projek bekalan airdari Pahang itu gagal disiapkan. Hanya mereka yang tidak prihatin membenarkan perkara ini berlaku.

27 Julai 2010 (Selasa)

Kampung Bestari Jaya diancam kerja korek pasir

BESTARI JAYA: Kampung Bestari Jaya yang didiami lebih 3,000 penduduk kini diancam kegiatan pengambilan pasir yang beroperasi tidak sampai 500 meter dari kawasan perkampungan itu. Malah, dari jarak sama, jentera pengorek pasir dapat dilihat keluar masuk ke kawasan aktiviti pelombongan pasir, yang terletak berdekatan kawasan perkampungan yang asalnya kawasan perlombongan bijih timah. Semalam, lebih 30 penduduk kampung itu berkumpul meluahkan perasaan mereka mengecam tindakan kontraktor pasir yang semakin rakus mengorek pasir sehingga menghampiri kawasan perkampungan dan tapak tanah milik Universiti Industri Selangor (UNISEL). Di lokasi itu, terpampang papan tanda bertulis Hak milik Tanah UNISEL dan papan tanda milik Syarikat Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB) yang menunjukkan permit melombong pasir di kawasan itu sudah tamat tempoh pada 3 Mac 2009. Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kampung Bestari Jaya, Mohd Ibrahim Abdul Rahman, berkata segala janji Kerajaan Selangor mengenai kebajikan penduduk di situ seolah-olah tidak dipedulikan. Saya sudah memaklumkan kepada wakil Menteri Besar mengenai masalah pasir yang mengancam penempatan kami ini tetapi tiada tindakan dilakukan. Kami dapat maklumat 10 peratus keuntungan perusahaan pasir akan disalurkan kepada penduduk kampung tapi sehingga kini tiada sebarang berita didengar mengenainya, katanya.

Mohd Ibrahim berkata, beliau berharap supaya Kerajaan Selangor tidak mengambil sikap 'sudah terhantuk baru terngadah' dalam menangani masalah berkenaan kerana ia membabitkan keselamatan. "Jangan sampai sudah tenggelam rumah kami, baru Kerajaan Selangor hendak bertindak. Kami maklum kerja ini diluluskan Kerajaan Selangor tetapi kami meragui kedudukan kawasan yang dikorek kerana ia semakin dekat kawasan perumahan di sini," katanya. Penduduk, Mohd Yeop Sanip, berkata beliau terpaksa menggunakan saluran media untuk meluahkan perasaan kerana tiada saluran yang lebih sesuai berikutan aduan sudah dibuat kepada pihak terbabit terutama Kerajaan Selangor melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). "Sudah 62 tahun saya menetap di sini dan tidak sanggup melihat kejadian yang tidak diingini berlaku di kampung saya. "Dulu, kawasan ini adalah kawasan lombong bijih timah tetapi selepas dikorek, mereka letakkan kembali pasirnya dan berbeza sekarang kerana pasir itu dibawa keluar dari sini," katanya.

Katanya, pengusaha pasir juga menggunakan jentera besar yang mengorek ke dasar lombong dan mungkin menyebabkan ruang dalam tanah berlubang dan risiko berlaku permukaan atas tanah terbenam. R Davindran pula berkata, penduduk kampung itu risau dengan keadaan hakisan tebing yang berlaku hingga menyebabkan ada rumah penduduk yang retak dan mendap. "Rumah saya selalu retak dan tapak rumah semakin mendap kerana berdekatan kawasan mengorek pasir," katanya. Sementara itu, Penasihat Pejabat Kerajaan Datuk Menteri Besar Selangor Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok, Mohd Yusof Abd Rahim ketika dihubungi, menafikan ada laporan dibuat penduduk kampung itu membabitkan masalah pasir di kawasan berkenaan.

29 Julai 2010 (Khamis)

PERKESO jual saham dalam syarikat arak

KUALA LUMPUR: Dewan Negara dimaklumkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sudah menjual semua sahamnya dalam syarikat minuman keras, Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (Carlsberg), baru-baru ini. Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam, berkata saham itu dijual berikutan keputusan PERKESO melupuskan saham sedemikian pada April lalu. Pada masa sekarang, PERKESO tidak mempunyai mana-mana saham di dalam syarikat itu walaupun pada satu ketika memang betul ia membeli saham syarikat ini, katanya ketika menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) peringkat kementeriannya di Dewan Negara, semalam. Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Mumtaz Md Nawī yang meminta kementerian memberi penjelasan sama ada PERKESO masih lagi mempunyai pegangan saham dalam syarikat itu pada sesi perbahasan sebelum ini. Subramaniam berkata, PERKESO tidak akan lagi membeli saham dalam syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan yang dianggap haram oleh agama seperti arak dan perjudian.

30 Julai 2010 (Jumaat)

Pencarum KWSP boleh beli rumah bernilai tinggi

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Adli Shahar



Azlan Zainol

Bank nilai kemampuan individu berdasarkan jumlah simpanan

KUALA LUMPUR: Mulai 1 Ogos ini, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang belum mengeluarkan caruman untuk membeli kediaman atau mendapatkan pengurangan pinjaman perumahan berpeluang membeli kediaman bernilai lebih tinggi menerusi kemudahan Pengeluaran Kediaman Fleksibel. Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol, berkata kemudahan itu diperkenalkan bagi membolehkan ahli yang layak mempunyai kuasa beli lebih tinggi kerana institusi kewangan boleh menilai kemampuan mereka yang mahu membuat pinjaman.

Beliau berkata, kemudahan itu tidak akan menjejaskan simpanan ahli kerana wang caruman tidak dikeluarkan, sebaliknya hanya diasingkan dan akan terus menerima dividen tahunan daripada KWSP. Bagaimanapun wang berkenaan tidak boleh dikeluarkan bagi tujuan pengeluaran prapersediaan lain seperti Perumahan, Pendidikan, Kesihatan dan Umur 50 Tahun sebelum tamat tempoh kemudahan pengeluaran ini. Antara syarat pengeluaran ialah pencarum berusia tidak lebih 54 tahun ketika membuat permohonan dan belum pernah membuat Pengeluaran Membeli Rumah atau Mengurang Baki Pinjaman Perumahan KWSP. “Simpanan semasa dan simpanan masa depan ahli KWSP akan diberi pertimbangan ketika pencarum memohon untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. “Setiap permohonan pula perlu disertakan bersama borang permohonan Pengeluaran Membeli Rumah atau Mengurang Baki Pinjaman Perumahan KWSP,” katanya.

Pencarum yang ingin membatalkan kemudahan ini selepas membuat pengeluaran hanya boleh berbuat demikian selepas setahun dari tarikh kelulusan dan perlu mendapat persetujuan daripada institusi kewangan. Katanya, kemudahan yang ditawarkan itu sebagai usaha menyokong objektif kerajaan meningkatkan kualiti hidup rakyat sejajar dengan semangat 1Malaysia yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2010. Setakat ini katanya, Maybank dan Public Bank mengesahkan bersedia mengambil bahagian dalam Pengeluaran Perumahan Fleksibel dan menjangka lebih banyak bank akan menyusuli. Bagi maklumat lanjut sila layari laman web www.kwsp.gov.my atau hubungi pusat panggilan KWSP di talian 03-89226000.